

3

GUGATAN AKIDAH: HAK SELAIN ALLAH SWT DALAM HUKUM SYARAK

Wardati Mohd Saini, Noramizah Mohd Yatim
Nurin Safia Mohd Puaad, & Jimain @ Ajmain Safar

Abstrak

Manusia pertama yang diciptakan oleh Allah ialah Adam AS. Lalu Allah menciptakan Hawa sebagai pasangan dan pelengkapnya. Mereka berdua hidup bahagia dalam syurga sehingga mereka dikeluarkan daripada syurga ke bumi kerana melanggar perintah Allah. Namun pelanggaran perintah Allah itu dilakukan adalah di atas hasutan syaitan yang membisikkan kepada mereka sehingga mereka dimurkai Allah. Hal ini demikian membuktikan bahawa setiap manusia dilahirkan dengan fitrah bertuhan atau mempunyai rasa untuk menyembah sesuatu. Namun hak penyembahan itu diberikan sama ada kepada Tuhan atau selainnya bergantung kepada kefahaman tentang ketuhanan menurut ilmu, kefahaman dan penerimaan seseorang manusia. Maka dalam folio ini, kami membincangkan tentang penyembahan kepada Allah yang Maha Esa dan penyembahan yang menyekutukan Allah.

PENGENALAN

Agama Islam sebagai agama yang direndai Allah SWT dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat (Basiran, Mohd Saberi, & Jasmi, 2012; Jasmi, 2007, 2011; Kuang, Sulaiman, & Jasmi, 2012; Mohamad Sharif, Wei, & Jasmi, 2012; Ridzuan, Mior, Aziz, Khairudeen, & Jasmi, 2012; Yuan, Muzamil, & Jasmi, 2012). Islam dilengkapi dengan pelbagai perundangan yang menyeluruh

sebagai garis panduan bagi menjamin kemaslahatan penganutnya. Oleh itu sesiapa yang memeluk Islam daripada dia dilahirkan atau baru sahaja mengenali Islam lalu mmemeluknya maka hendaklah mengikut segala yang tertulis dalam al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Kedua-kedua ini merupakan sumber rujukan Islam yang paling utama. Selain daripada ini, sumber rujukan Islam juga terdiri daripada ijmak ulamak dan qias di mana kedua ini berfungsi sebagai kaedah dalam mengeluarkan fatwa atau hukum yang baru berdasarkan masalah yang hanya timbul selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Bercakap mengenai undang-undang Islam, penganutnya wajib mematuhi segala perintah serta larangan Allah SWT. Jika seseorang individu menafikan perintah serta larangan Allah maka terbatal imannya secara automatik. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh (Zienu, 2013), Melaksanakan undang-undang selain daripada undang-undang Islam atau percaya kesesuaian undang-undang selain daripada undang-undang Islam adalah “kufur”. Beliau berhujah dengan firman Allah SWT ini:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكُفَّارُونَ

Maksud: Dan sesiapa yang tidak menghukumkan dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang kafir.

(Surah *al-Ma’idah*, 5:44)

Berdasarkan dalil ini, maka jelaslah bahawa menolak undang-undang Allah itu merosakkan akidah. Ianya sama juga dengan merosakkan syahadah. Maka seseorang individu Islam seharusnya reda dan menerima serta mengikut undang-undang ciptaan Allah dengan rela hati. Seorang Muslim juga hendaklah mengikut perintah Allah walaupun ianya berat untuk dilaksanakan kerana keredaan Allah itu juga merupakan rahmat atau kasih sayang Allah. Selain itu perintah dan larangan yang Allah jadikan juga mempunyai banyak kebaikan jika

dipatuhi serta memandu manusia ke arah kehidupan yang benar dan teratur.

Selain reda dengan hukuman baru, bersetuju dengan hukum yang bertentangan dengan hukum yang jelas dalil wajibnya seperti hukum hudud dan qisas Islam juga boleh membantalkan iman (Jasmi & Tamuri, 2011). Allah SWT berfirman:

أَلَمْ تَرِئِ الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا أُنزِلَ إِلَيَّهِ وَمَا أُنْزِلَ
مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَكَّمُوا إِلَى الظَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا
أَنْ يَكُفُّرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksud:Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad) orang (munafik) yang mendakwa mereka beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadamu dan kepada (kitab) yang diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada taghut, padahal mereka diperintahkan supaya kufur dan ingkar kepada taghut itu. Dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang jauh.

(Surah *al-nisa'*, 4:60)

Ayat al-Quran daripada surah *An-Nisa'* ayat 60 ini membawa erti sikap orang munafik yang gemar berhakim ataupun mengikut jalan taghut yakni menggunakan undang-undang golongan taghut yang melampaui batas Allah, iaitu golongan Yahudi dan Nasrani seterusnya merosakkan akidah mereka sendiri. Berkisar tentang Yahudi dan Nasrani, sudah pasti mereka adalah golongan kafir yang mempunyai undang-undang ciptaan mereka sendiri yang berhasil menurut hawa nafsu dan tidak membawa kebaikan untuk manusia malahan akan mendatangkan keburukan.

Begitu juga halnya dengan hukum yang dimansuhkan. Mematuhi hukum baru yang timbul adalah wajib. Sebagai contoh,

hukum pemansuhan meminum arak yang asalnya arak adalah halal diminum kemudian ditegah berdasarkan sebab tertentu. Sesungguhnya, agama ini ini adalah satu deklarasi umum bagi membebaskan manusia di muka bumi ini daripada pengabdian kepada manusia dan juga hawa nafsu. Hal ini hanya akan tercapai dengan menegaskan ketuhanan Allah Yang Maha Esa dan sifat pentadbiran-Nya ke seluruh alam. Maksud ayat ini ialah revolusi yang menyeluruh terhadap pemerintahan manusia. Melaksanakan perundangan Islam secara keseluruhan agar bebas daripada mempertuhankan manusia dalam segala bentuk. Hal ini perlu dilakukan kerana hukum yang ditetapkan itu kembali kepada manusia dan mereka yang menjalankan serta menjalankan hukuman itu adalah manusia. Hal ini demikian dinamakan sebagai mempertuhankan manusia. Hal ini demikian bererti undang-undang yang diciptakan adalah berpandukan logik akal semata-mata.

Sedangkan secara amnya seorang Muslim mengetahui bahawa akal manusia adalah sangat terbatas. Keajaiban yang wujud dan kisah-kisah lalu yang diceritakan segalanya adalah menurut al-Quran yakni kalam suci Allah yang tiada cacat celanya. Al-Quran juga tidak ada keraguan padanya kerana Allah menjamin bahawa al-Quran tidak akan mampu ditiru atau diselewengkan oleh sesiapapun.

Justeru itu, apa yang penting daripada deklarasi ketuhanan Allah SWT dengan mengembalikan kekuasaan Allah yang sudah dinafikan dan menyerahkannya hanya kepada Allah. Seorang Muslim juga perlu menjatuhkan atau dalam erti kata lain memindahkan kekuasaan ataupun pemerintahan orang yang melakukan penafian atau perampasan ini, yang menghukum manusia dengan undang-undang ciptaan mereka sendiri lalu mengangkat dirinya sebagai Tuhan serta menganggap bawahannya sebagai hamba. Makna lain adalah menegakkan ketuhanan Allah sekali gus menghancurkan segala bentuk ketuhanan manusia demi menegakkan kerajaan Allah di muka bumi. Dalam al-Quran ada disebut:

وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاوَاتِ إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ

Maksud: Dan Dialah Tuhan (yang disembah) di langit dan Tuhan (yang disembah) di bumi dan Dialah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

(Surah Az-Zuhru, 43:84)

Undang-undang Allah sesungguhnya tiada cacat cela padanya. Jika diteliti, setiap perundangan tidak lain hanyalah untuk kemaslahatan umat Islam. Umat Islam juga tidak boleh menafikan atau mengetepikan undang-undang Allah yang jelas dalilnya lalu mengguna pakai undang-undang lain dalam kehidupannya. Allah menyebut tentangnya dalam al-Quran:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ
يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
ضَلَّ ضَلَالًا لَا مُبَيِّنًا

Maksud: Dan tidaklah harus bagi orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah S.W.T- dan Rasulnya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah SWT dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

(Surah al-Ahzab, 33:36)

Kalam Allah ini memberi peringatan kepada umat Islam agar tidak sekali-kali menafikan hukum Allah lalu mengambil undang-undang lain sebagai praktis dalam kehidupan tidak mengira jantina, kaum, bangsa mahupun warna kulit. Demikian juga terdapat ayat yang mencela perbuatan mengambil dan mempraktikkan hukum makhluk mendahului hukum Allah dan Rasul-Nya. Kerosakan yang berlaku di sekeliling seorang Muslim adalah akibat daripada

salah konsep dan tanggapan sehingga tanpa sedar seorang Muslim membelakangkan perintah Allah dan melanggar larangan-Nya (Salleh, 2011).

MENDOKONG KEPIMPINAN KAFIR DAN MUNAFIK

Menurut Wikipedia Melayu, pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain dalam suatu pertubuhan. Sejak kewujudan manusia yang pertama, iaitu Nabi Adam AS jutaan tahun dahulu berlakunya kepimpinan. Nabi Adam AS memimpin Hawa isterinya. Lalu daripada Nabi Adam dan Hawa maka berkembang biak manusia sehingga ke hari ini dan berterusan ke hari kiamat. Kepimpinan berlaku pada setiap lapisan masyarakat dan generasi. Kepimpinan pula tidak semestinya berlaku dalam kelompok Islam. Hal ini demikian kerana, masa yang berlalu, timbul pelbagai fahaman, anutan dan agama selain daripada yang diciptakan oleh Allah SWT Allah menceritakan dalam al-Quran;

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ الْكَفَّارِيْنَ اُولَيَاءَ مِنْ دُوْنِ الْمُؤْمِنِيْنَ
 وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنْ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا
 مِنْهُمْ تُقْعَدَ وَيُحَدِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Maksud: Janganlah orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang beriman. Dan sesiapa yang melakukan demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu yang ditakuti daripada mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri-Nya (seksaan-Nya). Dan kepada Allah juga tempat kembali.

(Surah Ali 'Imran 3:28)

Lagi firman Allah SWT menyebut:

بَشِّرِ الْمُنِفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣٨﴾ يَتَخِذُونَ
الْكُفَّارِيْنَ أَوْلَيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَيَّتَغُونَ عِنْدَهُمْ
الْعِزَّةُ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ﴿١٣٩﴾

Maksud: Beritahulah kepada orang munafik itu bahawa mereka akan mendapat siksa yang pedih, iaitu orang yang mengambil orang kafir menjadi teman penolong dengan meninggalkan orang mukmin. Apakah mereka mencari kemuliaan disisi orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kemuliaannya itu kepunyaan Allah.

(Surah *al-Nisa'*, 4:138-139)

Daripada dua kalam Allah ini, Allah menegaskan bahawa orang Islam tidak dibenarkan meredai kepimpinan orang kafir ke atas negeri Islam. Tetapi jika kebenaran kerana memelihara diri tersebut hanya pada lahirnya sahaja dan sesungguhnya terbatal syahadahnya kalau sekira hatinya reda walaupun dalam keadaan takut. Menurut riwayat Ibn 'Abbas RA bahawa Taqiyah itu hanya pada lahirnya sahaja tetapi hatinya tidak reda(Haji, 1985).

MUNAFIK PADA AKIDAH

Munafik berasal daripada perkataan bahasa Arab, adalah terminologi dalam Islam yang merujuk kepada mereka yang berpura-pura mengikut ajaran agam Islam namun sebenarnya tidak mengakuinya dalam hati. Mereka yang hatinya rapuh tidak mempunyai keimanan yang sejati dan tidak berkeyakinan terhadap Islam jika dibandingkan sama sahaja tarafnya dengan orang kafir. Yang membuatkan mereka kelihatan sama dengan umat Islam sejati adalah lakonan mereka yang menunjukkan luaran yang seolah-olah beriman kepada Allah

SWT Realitinya mereka adalah kufur bahkan lebih dahsyat berbanding orang kafir itu sendiri. Firman Allah SWT menjelaskan:

يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Maksud: Mereka hendak menipu Allah dan orang beriman, padahal mereka menipu diri mereka sendiri sedangkan mereka tidak sadar.

(Surah Al-Baqarah 2:9)

Watak keimanan yang ditonjolkan adalah lakonan semata-mata bertujuan menipu Allah dan orang yang beriman. Mereka melakukan amalan sehari-hari seperti mana orang beriman lakukan dan menyangka orang akan menganggap mereka beriman sedangkan apa yang mereka kerjakan hanyalah sia-sia. Mereka sangat menyangka mereka berjaya menipu Allah dan orang beriman padahal mereka menipu diri sendiri dan tidak mengetahui hakikat itu.

Betapa jahilnya si munafik ini yang tidak dapat menerima realiti Islam sebagai suatu cara kehidupan yang sempurna dan diredayai Allah. Mereka sebat dengan cara kehidupan munafik yang lari daripada landasan al-Quran dan Sunnah yang mana kebanyakannya cara hidup seperti ini adalah bebas dan tidak berbatas berbanding ajaran Islam yang banyak menyekat namun ianya membawa kepada kebahagian yang hakiki.

Golongan munafik ini terpedaya dengan hasutan syaitan dan tuntutan hawa nafsu sendiri. Tiada undang-undang sesempurna yang diciptakan oleh Allah. Hal ini kerana Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dialah yang menciptakan segalanya sedangkan manusia juga adalah ciptaannya lalu bagaimana yang boleh dikatakan undang-undang makhluk itu mampu menandingi undang-undang-Nya?

BERHUKUM HUKUM TAGHUT

Taghut menurut Wikipedia berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud melanggar atau melampaui batas. Dalam

Islam ianya lebih dimaksudkan dengan menyembah selain daripada Allah SWT Bagaimanapun ulama mentafsirkan taghut ini dengan makna yang berbeza. Imam Ibnu Qayyim membuat tafsiran yang komprehensif. Taghut ialah setiap yang diperlakukan oleh hamba secara melampaui batas, baik berupa sembahana, ikutan atau sesuatu yang ditaati. Taghut -nya setiap kaum adalah siapa sahaja selain Allah dan Rasul-Nya yang mereka berhukum kepadanya atau yang mereka sembah selain Allah atau yang mereka ikuti tanpa dasar pengetahuan daripada Allah atau yang mereka taati dalam hal yang mereka tidak tahu bahawa hal itu sebenarnya merupakan ketaatan yang mestinya hanya untuk Allah (Asti, 2009).

Sesiapapun yang mengkaji ayat al-Quran akan memahami kriteria orang munafik dan memahami hakikat mereka yang sebenarnya (Jazuli, 2006). Kepentingan mengetahui tentang taghut amat besar kerana jika seorang Muslim tidak kufur kepadanya, iman kepada Allah SWT adalah tidak sah. Serentak seorang Muslim beriman kepada Allah, seorang Muslim juga wajib menafikan, mengingkari serta kufur kepada semua taghut. Taghut disebutkan dalam al-Quran dalam beberapa surah, antaranya firman Allah SWT ini:

وَالَّذِينَ اجْتَنَبُوا الْطَّغْوَةَ أَن يَعْبُدُوهَا وَأَنابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمْ
الْبُشْرَى فَبَشِّرْ عِبَادِ

Maksud: Dan orang yang menjauhi dirinya dari menyembah atau memuja Taghut serta mereka rujuk kembali taat bulat-bulat kepada Allah, mereka akan beroleh berita yang menggembirakan (sebaik-baik sahaja mereka mulai meninggal dunia), oleh itu gembiralah hamba-Ku.

(Surah *al-Zumar*, 39:17)

Ayat ini mengatakan tentang taghut. Umat Islam harus taat kepada Allah dan Rasul kemudian derhaka kepada taghut. Hal ini demikian bermakna umat Islam tidak boleh taat kepada taghut walau

sedikit. Hukum taghut merupakan suatu hukuman jahiliah yang tidak menepati syariat Islam walau sedikit pun dan tidak termaktub dalam al-Quran. Sesiapa yang berhukum dengan hukuman tersebut, sama ada dilakukan oleh seseorang individu ataupun pihak pemerintahan dan menolak yang diturunkan oleh Ilahi itu, maka hal itu boleh merosakkan akidah keimanan dan boleh terjerumus ke lembah kekufturan (El-Batnani, 1997). Hal ini demikian terjadi apabila mereka tidak meyakini keadilan undang-undang ciptaan Allah dan merasakannya sudah lapuk tidak lagi relevan untuk diperlakukan pada zaman moden.

Hal ini menunjukkan bahawa seolah-olah Allah tidak tahu kemaslahatan manusia dan tidak tahu menyesuaikan undang-undang mengikut keadaan semasa ataupun zaman tertentu. Lagi pula undang-undang taghut sememangnya wujud berlandaskan hawa nafsu. Sehingga kini hanya al-Quran yang tidak mampu diciptakan semula ataupun diubah manakala seorang Muslim terdahulu diubahsuai oleh tangan-tangan jijik yang menginginkan kebebasan tanpa had. Akal-akal yang jahat ini juga turut membahaskan undang-undang ciptaan sendiri lalu menegakkannya agar diguna pakai dalam mana-mana sistem perundangan. Sekalipun terdapat undang-undang Islam yang diletakkan dalam perlumbagaan, namun mereka sekali lagi mencampur-adukkan dengan pemikiran logik mereka semata-mata yang kononnya bersesuaian dengan zaman mereka yang tiada kena mengena dengan fahaman Islam.

Mereka yang mencampur adukkan hukuman Ilahi dengan hukuman manusia itu mengatasi segala hukuman Ilahi tetap menjadi kafir dan wajib diperangi sehingga mereka kembali kepada hukum Islam sepenuhnya, kerana tidak harus bagi manusia berhukum dengan sistem perundangan yang lain selain sistem perundangan Islam sekalipun sedikit (El-Batnani, 1997). Hal ini demikian undang-undang Islam pun lengkap dan mencakupi seluruh aspek kehidupan tanpa perlu ditambah atau dikurangi sedikitpun. Allah berfirman dalam al-Quran:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِيَنًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ

Maksud: Sesiapa yang mencari agama yang lain selain daripada Islam (sebagai suatu cara hidup) maka tidak sekali-kali diterima.

(Surah Ali 'Imran 3:85)

Undang-undang ciptaan Allah adalah komprehensif serta menyeluruh yang mampu mengatasi segala jenis masalah dan kemerluhan yang dihadapi oleh manusia. Undang-undang Allah ini lama diciptakan, lebih seribu tahun yang lalu namun ia hanya tidak terhad kepada zaman tertentu sahaja. Allah Maha Bijaksana. Dia yang menciptakan segala makhluk maka Dia lah yang bertanggungjawab dalam mewujudkan suatu bentuk sistem kehidupan yang efektif untuk makhluknya mentadbir kehidupan dengan baik dan teratur. Rasulullah menunjukkan contoh terbaik buat semua manusia di muka bumi kerana baginda mengamalkan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam al-Quran tanpa sebarang keraguan di hati dan mentaatiinya dengan ketakutan yang abadi apatah lagi membantah arahan Allah. Allah juga ada berfirman dalam mengenai jawapan yang diberikan oleh mereka yang diseru supaya mentaati undang-undang Allah. Firman-Nya

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمُ
بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا

Maksud: Sesungguhnya jawapan orang mukmin apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya agar (Rasul) menghukum antara mereka, iaitu: Kami dengar dan kami taat.

(Surah al-Nur, 24:51)

Ketautan itu merupakan simbolik kekuatan akidah serta keimanan mereka dalam hati sanubari dan jiwa nurani serta menyedari mereka tidak mampu sama sekali untuk mengatasi undang-undang Allah dan Rasul-Nya. Namun berbeza pula dengan orang munafik

yang mempunyai penyakit-penyakit hati. Allah menggambarkan mereka dalam al-Quran:

أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ
مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الظَّاغُوتِ وَقَدْ أَمْرُوا
أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksud: Tidakkah kamu perhatikan orang yang mengatakan bahawa mereka beriman terhadap apa yang diturunkan kepada kamu dan apa yang diturunkan dahulu daripada kamu, mereka mahu berhukum kepada hukum tagħut, sekalipun mereka disuruh supaya jangan mempercayai tagħġid dan sesungguhnya syaitan mahu menyesatkan mereka sejaħħ-jauhnya.

(Surah *al-Nisa'*, 4:60)

Orang-orang munafik lebih suka berhukum dengan hukuman jahiliyah dan mereka tidak sekali-kali tunduk kepada hukum Ilahi sekalipun mereka tahu bahawa hukuman Ilahi adalah hukuman paling baik dari segala rupa bentuk hukuman manusia. Hal ini demikian kerana syaitan menyesatkan perjalanan hidup mereka daripada terus berada di jalan yang benar dan mereka tidak lagi mendapat cahaya petunjuk untuk menerangi kegelapan hidup mereka (El-Batnani, 1997).

SISTEM TAGHUT DAN JAHILIYAH KEPADA SISTEM ISLAM

Tiada cara lain yang dapat dilakukan oleh Islam bagi menghilangkan perkara yang bertentangan dengan prinsip serta hukum Islam kecuali mengakui Islam secara terang-terangan yang diimplementasikan secara bersama. Islam perlu diterapkan di tengah kehidupan masyarakat.

Salah satu caranya adalah dengan menerangkan tentang keadilan syariat Islam yang menjamin hak setiap manusia (Abdul, 1990).

Kita harus mengambil iktibar daripada kisah kejatuhan Kerajaan Uthmaniah yang mana kerajaan Islam ini berdiri selama 636 tahun dan diperintah oleh 36 orang sultan yang berkaliber. Selama 636 tahun pemerintahan kerajaan ini, di bawahnya terdapat 26 buah Negara seperti Palestin. Kerajaan ini berdiri megah sehingga semasa pemerintahan Sultan Muhammad Al-Fateh, beliau berjaya menawan Kota Konstantinopel yang sangat kukuh. Gambaran betapa kukuhnya Kota Konstantinopel ini adalah ianya Berjaya ditawan sebelum zaman Sultan Muhammad Al-Fateh lagi. Namun Rasulullah berkata bahawa, kota ini hanya dapat ditawan oleh rakyat yang baik yang juga diperintah oleh sultan yang baik. Maka selepas Rasulullah berkata begitu, hanya 800 tahun kemudian, Kota Konstantinopel ini berjaya ditawan. Hal ini demikian membuktikan bahawa jika umat Islam itu taat dengan perintah Allah sepenuhnya maka Allah akan memberikan kejayaan.

Kemudian Kerajaan Uthmaniah tumbang disebabkan oleh tangan Islam sendiri yang menjadi musuh dalam selimut akibat daripada tidak taat patuh kepada perintah Allah. Mustafa Kamal Ataturk yang beribukan seorang yang beragama Islam namun berbapakan seseorang Yahudi Dumamah, iaitu kaum munafik. Maka Mustafa mendapat pendidikan Yahudi sehingga akhirnya beliau menjadi penegak agenda Yahudi dalam meruntuhkan institusi dan sistem khalifah yang lama tegak berdiri. Mustafa secara perlahan masuk ke dalam kementerian tertinggi pemerintahan dan membuat pelbagai pengkhianatan demi pengkhianatan. Beliau seorang yang mempunyai kelebihan yang luar biasa dalam memberi arahan (Erickson, 2013). Boleh dikatakan di sini beliau adalah seorang yang “bermulut manis” apabila berkata-kata dan dengan mudahnya beliau mempengaruhi sultan bagi menuruti cadangan yang hanya akan memuasahkan Kerajaan Uthmaniah. Melihat kepada kisah Mustafa Kamal Ataturk ini, beliau seorang yang mudah dipengaruhi dan “dibeli” dengan wang dan kedudukan. Selain itu, Mustafa juga seorang yang hidupnya tidak pernah berpandukan dan berpaksikan

syariah Islam, tidak mendirikan solat, berfoya-foya dengan wanita, meminum arak dan memakan riba serta cuba merasuh sultan terdahulu.

Ketika Kerajaan Uthmaniah menghampiri zaman kejatuhanya, Mustafa Kamal Ataturk adalah pemerintah dan penyebabnya. Sebaik sahaja beliau dinaikkan menjadi presiden hasil daripada pembohongannya, beliau menganggap dirinya lebih tinggi daripada sultan dan menukar segala sistem perundangan Islam kepada sistem perundangan barat hasil daripada permintaan dan campur tangan urusan Negara dengan kuasa barat. Kuasa barat sememangnya sudah lama ingin melihat kejatuhan dan kemusnahan Kerajaan Uthmaniah sejak sekian lama.

Setelah Mustafa berjaya menjadi presiden dan memansuhkan undang-undang Islam lalu menuarkannya kepada undang-undang taghut maka runtuuhlah institusi Islam. Tidak apa yang rakyat boleh lakukan kerana beliau memerintah dengan cara “kuku besi”. Sesiapa sahaja tidak kira dalam kalangan rakyat yang memberontak mahupun menunjukkan penentangan terhadapnya, maka berdepan dengan hukuman bunuh. Tidak kurang juga golongan ulama dan bijak pandai yang mempertahankan Islam juga dibunuhi tanpa belas kasihan. Beliau juga menurunkan jawatan atau memecat ahli kabinet yang menentangnya ataupun membunuhi mereka secara senyap. Dengan tertegaknya undang-undang taghut di atas muka bumi Turki pada waktunya memberi impak yang besar kepada sistem pemerintahan Islam seperti tergadainya bumi Palestin ke tangan orang Yahudi yang mana umat Islam lihat pada hari ini, rakyat Palestin hanya memiliki kurang daripada 50% daripada tanah Negara mereka yang berpunca daripada penyerahan Palestin kepada orang barat bagi menyelamatkan Kerajaan Uthmaniah daripada musnah sepenuhnya ketika berlaku peperangan besar.

Islam harus berhadapan dengan segala kekuatan politik yang memaksa manusia menyembah selain Allah dan berhukum dengan undang-undang yang berlawanan dengan syariat (al-Qardhawi, 2013). Islam harus berkuasa menghapuskan segala perkara yang menghalang daripada terlaksana undang-undangnya dengan penjelasan dan dakwah.

Islam juga perlu pada akidah tanpa ada campur tangan daripada penguasa supaya manusia dapat melakukan urusan mereka sama ada urusan ekonomi, sosial ataupun politik dengan bebas berlandaskan syariat. Salah satu cara bagi menegakkan undang-undang Allah adalah dengan berdakwah. Dakwah memerlukan kata-kata serta penjelasan. Semua ini hanya akan dapat dilakukan jika tiada “tembok” penghalang kepada proses dakwah.

Tetapi, dengan segala rintangan dan halangan yang datang, maka perkara pertama yang harus dilakukan bagi menghilangkan halangan itu adalah dengan menggunakan kekuatan. Proses pembuangan rintangan perlu dilakukan supaya manusia benar-benar bebas daripada belenggu-belenggu dunia. Proses penyebaran dakwah juga dinamakan sebagai jihad yang berfungsi sebagai menyebarkan Islam, menerangkan tentang Islam dan membebaskan manusia. Jihad boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk yang bersifat teori, falsafah dan pasif.

Agama Islam pasti selalu berhadapan dengan golongan penentang. Hal ini demikian kerana Islam sendiri adalah dakwah universal yang menegaskan konsep ketuhanan, membebaskan manusia daripada menyembah selain Allah SWT. Agama ini harus berada di bawah gerakan yang tersusun di bawah kepimpinan baru yang bukan bersifat jahiliah. Islam juga perlu melahirkan masyarakat dan umat yang bebas dan istimewa dan tidak kenal erti pemerintahan manusia kerana hukum atau undang-undang pemerintahan hanya milik Allah SWT.

RUMUSAN

Setiap yang Allah jadikan mempunyai hikmah yang tersirat. Begitu juga dengan undang-undang yang kesemuanya relevan sepanjang zaman bagi menjaga kemaslahatan manusia. Allah memberi amaran sekiranya tidak mengikuti peraturan Allah maka bencana akan terjadi. Malapetaka yang menimpa diri mereka adalah disebabkan oleh tangan mereka sendiri, sekalipun dengan sumpah seralah daripada mulut mereka bahawa mereka inginkan penyelesaian yang abadi dan perdamaian yang baik, Tetapi, sebaliknya hukuman yang mereka

atur dalam alunan kehidupan mereka adalah hukuman taghut dan mereka sanggup memilih pendeta Yahudi dan Nasrani sebagai hakim bagi mengadili sesuatu hukuman yang menimpa mereka daripada memilih hukum Allah dan Rasul-Nya sebagai panduan hidup yang digariskan dalam seorang Muslim suci al-Quran. Sebagai seorang Islam seorang Muslim wajib yakini serta beriman dengan seorang Muslim dan sunahnya. Manusia yang berpaling daripada syariat Allah dilabelkan sebagai munafik. Hukum itu adalah milik Allah sahaja dan bukan milik sesiapa. Berhakim dan berhukum lah mengikut acuan al-Quran serta sunahnya.

Secara keseluruhan, setiap umat Islam mestilah mengikut segala suruhan dan larangan daripada Allah dan mestilah meninggalkan larangan yang boleh merosakkan akidah seseorang Muslim. Jika umat Islam yang terpesong akidahnya dan mestilah bertaubat kepada Allah kerana pintu taubat sentiasa terbuka untuk umat Islam yang memohon ampun dan insaf akan perbuatan yang dilakukan. Allah maha pengampun, pengasih dan penyayang. Sekiranya seseorang Islam itu menghadapi ujian yang berat atau ringan, maka hendaklah mereka kembali kepada Allah dengan cara mengadu dan berdoa supaya diberikan kekuatan dan petunjuk dalam menghadapi ujian dan cabaran dalam kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul, al-Badri Aziz. (1990). *Hidup Sejahtera dalam Naungan Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2013). *Fiqh Jihad*. Selangor: PTS Islamika SDN BHD.
- Asti, Badiatul Muchlisin (2009). *Tidak Semua Syahadat Diterima Allah*. Jakarta: Mutiara Media.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- El-Batnani, Mustafa Lutfi. (1997). *Virus Munafiq*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

- Erickson, J Erdward. (2013). *Mustafa Kemal Ataturk*. United Kingdom: Osprey Publishing Midland House, West Way, Botley, Oxford.
- Haji, Awang Hadi Abdul. (1985). *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: Sarjana Media SDN BHD.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Islam, Madrasah Idrisiyyah, Kuala Kangsar, Perak. http://eprints.utm.my/41072/2/KamarulAzmiJasmi2011_PendidikanIslamCabaranAlafBaru.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM.
- Jazuli, Samiun Ahzami. (2006). *Kehidupan Dalam Pandangan al-Quran*. Jakarta: Gema Insani.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamd Sharif, Siti Aspalaili, Wei, Liew Inn, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Sejarah Ringkas Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ridzuan, Ahmad, Mior, Muhammad Fateh, Aziz, Syed Abd, Khairudeen, Syed Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam Sebagai Satu Agama*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Salleh, Sakinah. (2011). *3i - Iman, Islam, Ihsan*. Selangor: PTS Millenia SDN BHD.
- Yuan, Goh Yong, Muzamil, Nor Syafira, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Cabaran Zaman*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zienu, Muhammad Jamil. (2013). *Aqidah Islamiyah daripada Seorang Muslim dan As-Sunnah yang Sahih*. Selangor: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI).

—

—

—

—